

KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN




PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

2009



LAPORAN TAHUNAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



**LAPORAN TAHUNAN
2009**

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**



**KUALA LUMPUR
2010**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia. - 2009 - .

-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .


Tahunan

ISSN 0128-3170


1.Libraries, National - Malaysia. 2. Corporation reports.

I. Judul

027.5595



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



● KANDUNGAN

1	PERUTUSAN KETUA PENGARAH	37	PERKHIDMATAN MAKLUMAT
3	FALSAFAH, WAWASAN, MISI DAN DASAR KUALITI	45	PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI
5	PENUBUHAN, OBJEKTIF, AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN	47	SISTEM PENGURUSAN KUALITI
7	AHLI LEMBAGA PENASIHAT PNM	51	PROGRAM UTAMA
10	PENGURUSAN PNM 2009 & CARTA ORGANISASI	55	STATISTIK PNM 2009
13	PENCAPAIAN TAHUN 2009	62	PAMERAN
17	PERISTIWA PENTING 2009	64	LAWATAN
21	PERKHIDMATAN PENGURUSAN	67	KERJASAMA PERPUSTAKAAN
29	TEKNOLOGI MAKLUMAT	70	PENERBITAN
31	PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN	72	PENULISAN
35	KOLEKSI PERPUSTAKAAN	75	KELAB PNM & PUSPANITA

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PERUTUSAN KETUA PENGARAH ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izinNya maka Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2009 dapat diterbitkan dengan jayanya.

PNM telah melalui beberapa peristiwa dan pencapaian penting pada tahun 2009. Antara ialah peralihan dari Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) ke Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) yang diterajui oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan seiring dengan pengumuman Kabinet pada 9 April 2009. PNM diletakkan di bawah portfolio Kebudayaan bagi meneruskan kesinambungan peranannya sebagai penggerak utama pemupukan budaya membaca rakyat Malaysia.

Pelan Strategik PNM (2009 - 2013) telah menetapkan visi PNM sebagai peneraju pembangunan, perkhidmatan dan kepimpinan perpustakaan bertaraf dunia menjadi wadah yang memeta hala tuju sektor perpustakaan negara ini sebagai penyumbang utama kepada pembinaan sebuah negara bangsa cemerlang berteraskan ketinggian ilmu pengetahuan dan kemuliaan budi pekerti. Sehubungan itu, pelan tindakan berjangka bagi mencapai KPI Jabatan turut disejajarkan dengan agenda wawasan negara yang berlandaskan Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Himpunan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PNM antaranya program kualiti, program membaca, Persidangan Perpustakaan Digital ke-5, perasmian perpustakaan desa, latihan, pameran dan lawatan turut disajikan dengan penuh warna-warni sebagai memori korporat untuk rujukan warga PNM dan seluruh rakyat Malaysia.

Akhir kata, budaya membaca merupakan salah satu nilai budaya ilmu yang mendasari gagasan 1Malaysia. Justeru dengan membaca, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Laporan Tahunan PNM 2009 ini maka bererti tuan/puan telah menjayakan matlamat Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Syabas !

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

YBhg Dato' Raslin Bin Abu Bakar

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



**FALSAFAH, WAWASAN, MISI ●
DAN DASAR KUALITI**

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

FALSAFAH

Membina insan berbudaya maju yang cintakan ilmu pengetahuan melalui pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat terus memperkayakan tradisi ilmu di negara ini.

WAWASAN

Peneraju Pembangunan, Perkhidmatan dan Kepimpinan Perpustakaan Bertaraf Dunia.

MISI


- Memimpin dalam Pembangunan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat.
- Menjadi Pusat Kecemerlangan Warisan Intelek Negara.
- Mengurus dan Menyediakan Kemudahan Akses Sumber Maklumat Negara.
- Menjadi Penggerak Utama Memupuk Budaya Membaca Rakyat Malaysia.

DASAR KUALITI

Perpustakaan Negara Malaysia komited untuk memberi perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti dan bertanggungjawab memelihara khazanah warisan sumber ilmu Malaysiana bagi memenuhi kepuasan pelanggan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan amalan penambahbaikan berterusan.



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



**PENUBUHAN, OBJEKTIF, ●
AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN**

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENUBUHAN

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)*. Akta ini dipinda pada tahun 1987 selaras dengan perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

OBJEKTIF

Maksud dan objektif Perpustakaan Negara Malaysia seperti diperuntukkan dalam Bahagian II, Seksyen 3 *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)* adalah seperti yang berikut:

- (a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (b) memudahkan capaian seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara, dan;
- (c) mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara. Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara adalah seperti berikut:

- (a) untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- (b) untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia, dan;
- (c) untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



AHLI LEMBAGA PENASIHAT PNM ●

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

AHLI LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2007-2010

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)*, Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberi nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia khususnya dan seluruh negara amnya.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh YB Menteri Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah seperti berikut:

- YBhg Datuk Dr. Halim bin Shafie (Pengerusi)
- YBhg Tan Sri Ramon V. Navaratnam
- YBhg Prof. Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah bte Haji Abdul Karim
- YBhg Dato' Ng Tieh Chuan
- Puan Khalida Adibah bte Amin

Ex-Officio

- YBhg Dato' Mohammed bin Mohd Daud
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (Kebudayaan)
- YBhg Dato' Raslin Bin Abu Bakar
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali iaitu 22 Januari 2009, 26 Mac 2009 dan 13 Ogos 2009. Antara perkara-perkara penting telah dibincangkan pada ketiga-tiga mesyuarat ini ialah iaitu seperti berikut:

- Pelan Strategik PNM 2009 - 2013
- Modul Latihan Peringkat Sijil Dalam Bidang Perpustakaan
- Majlis Pra-Pelancaran Sistem Katalog Induk Kebangsaan
- Pelan Jalur Lebar Bagi Merangkaikan PNM Dan Perpustakaan Desa
- Cadangan Modul Institut Latihan Kepustakawanan
- Sesi Dialog Bersama KP
- Konvensyen Perpustakaan Desa
- Gerbang MySMS – Gerbang SMS Kerajaan Malaysia
- Kempen Membaca 1Malaysia 2009
- Kem Remaja Siber
- Jualan Buku 1Malaysia
- Persidangan Perpustakaan Digital ke-5
- Program Kempen Membaca Kebangsaan 2009 - Perkhidmatan Pintu ke Pintu



Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bil.1/2009
pada 22 Januari, 2009



Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bil.2/2009
pada 26 Mac, 2009



**YBhg Datuk Dr. Halim
bin Shafie**
Pengerusi



**YBhg Tan Sri Ramon
V. Navaratnam**
Ahli



**YBhg Dato' Ng Tieh
Chuan**
Ahli



**YBhg Prof Emeritus Datuk Dr.
Nik Safiah bte. Abdul Karim**
Ahli



**Puan Khalida Adibah
bte. Amin**
Ahli



**YBhg Dato' Mohammed
bin Mohamad Daud**
Ex - Officio



**YBhg Dato' Raslin
bin Abu Bakar**
Ex - Officio



PENGURUSAN PNM 2009 ●
CARTA ORGANISASI ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENGURUSAN TERTINGGI PNM 2009



DATO' RASLIN ABU BAKAR
Ketua Pengarah



SITI RODZIAH OTHMAN
Timbalan Ketua Pengarah



ABDUL RAHMAN MOHAMED NOR
Pengarah
Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia



NAFISAH AHMAD
Pengarah
Perkhidmatan Perpustakaan
Digital Nasional (PERDANA)



SALBIAH MOHAMAD YUSOF
Pengarah
Prasarana Ilmu dan Maklumat



KAMARUDIN MAT NATA
Pengarah
Perancangan dan
Perhubungan Korporat



ABDUL RAHMAN SUDIN
Pengarah
Perkhidmatan Maklumat Umum
19 Jan - 25 Nov 2009
~
Pengarah
Pembangunan Koleksi Negara
dan Pendokumentasian
Mulai 26 Nov 2009



SITI AISHAH SHEIKH AB KADIR
Pengarah
Perkhidmatan Malaysiana
Mulai 26 Nov 2009



DAHLIA ZAINAL
Pengarah
Perkhidmatan Malaysiana
Mulai 11 April - 25 Nov 2009
(Menanggung Kerja)
~
Pengarah
Perkhidmatan Maklumat Umum
Mulai 26 Nov 2009





MAIZAN ISMAIL
Pengarah
Pembangunan Koleksi Negara
dan Pendokumentasian
19 Jan - 25 Nov 2009
(Menanggung Kerja)



SITI MARIANI SM OMAR
Pengarah
Perkhidmatan Malaysiana
Jan - 10 Mac 2009
(Bersara)

CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2009





PENCAPAIAN 2009 ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENCAPAIAN 2009

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan yang bertanggungjawab untuk membina koleksi kebangsaan dari pelbagai jenis sumber maklumat, menggalak dan menyediakan kemudahan untuk kegunaan sumber tersebut serta memberi kepimpinan dalam hal-ehwal perpustakaan di Malaysia selaras dengan Dasar Negara bagi Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat. Tugas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia yang meluas bagi pelaksanaan tanggungjawab di atas termaktub di bawah *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)*.

PELAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) 2009 - 2013

Dalam mencapai visi PNM sebagai peneraju pembangunan, perkhidmatan dan kepimpinan perpustakaan bertaraf dunia, Pelan Strategik PNM 2009 – 2013 telah digubal dan diguna pakai sebagai pelan tindakan bersepadu oleh semua Bahagian di PNM untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan dan Kementerian.

KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Dalam usaha memperkukuh koleksi bagi memenuhi keperluan maklumat dan penyelidikan, PNM telah mempergiat perolehan bahan perpustakaan melalui penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*, pembelian, hadiah dan pertukaran. Pada tahun 2009, sebanyak 299,147 unit bahan perpustakaan telah diperolehi meliputi pelbagai bidang perkara meningkat sebanyak 4.8 % berbanding 285,595 unit pada tahun 2008. Jumlah kumulatif sehingga 31 Disember 2009 ialah sebanyak 3,092,017 unit.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dalam usaha meningkatkan tahap perkhidmatan berteraskan ICT, Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2010 – 2013 telah dirangka sebagai *blue print* untuk memperkasakan prasarana ICT. PNM telah menyediakan perkhidmatan Wi-Fi dan Zon Siber untuk meluaskan lagi capaian akses kepada maklumat di persekitaran PNM.

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Selaras dengan peranan PNM sebagai pusat rujukan dan perujukan kebangsaan serta pusat kecemerlangan Malaysiana, seramai 327,809 orang telah menggunakan perkhidmatan perpustakaan di PNM pada 2009 berbanding 258,332 pada 2008 iaitu peningkatan sebanyak 27%.

Jumlah keahlian berdaftar pada tahun 2009 ialah seramai 55,933 orang, menunjukkan peningkatan sebanyak 36 % berbanding tahun 2008 seramai 41,502 orang.

PROGRAM 1MALAYSIA

PNM sebagai sebuah agensi KPKK turut melaksanakan program berkonsepkan penerapan nilai-nilai gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan bagi menyebarkan gagasan ini menerusi wadah ilmu dan maklumat dalam setiap program/aktiviti yang dilaksanakan kepada seluruh masyarakat.

PROGRAM MEMBACA DAN PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

Dalam menyokong hasrat negara membentuk masyarakat berilmu menerusi amalan membaca dan pembelajaran sepanjang hayat, PNM melaksanakan program membaca bertemakan Bangsa Membaca Bangsa Berjaya. Pada tahun 2009, PNM melaksanakan sebanyak 8,699 program/aktiviti membaca kepada pelbagai sasaran di seluruh negara.

Di samping itu, pelbagai program/aktiviti pembudayaan tulisan Jawi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 untuk memartabahkan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat.

PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI

Dalam menjaga keaslian bentuk fizikal bahan perpustakaan, PNM telah menjalankan aktiviti pemuliharaan dan reprografi. Bagi aktiviti pemuliharaan sebanyak 175 naskah manuskrip Melayu telah dibuat pewasapan manakala sebanyak 10, 807 helaian bahan nadir telah dibuat pemuliharaan dan pembaikan. Bagi aktiviti reprografi sebanyak 161 torak mikrofilem yang terdiri daripada bahan nadir dan surat khabar telah dihasilkan.

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

Usaha meningkatkan pembangunan prasarana perpustakaan dan perkhidmatan maklumat diteruskan pada tahun 2009. Sejumlah RM3,217, 208.20 telah dibelanjakan dari peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk tujuan ini. Ia meliputi pembangunan/pembinaan 2 perpustakaan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Dalam memainkan peranannya sebagai pemimpin dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan di Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan pelbagai program latihan untuk meningkatkan kemahiran dan Kompetensi kakitangan perpustakaan. Pada tahun 2009, sebanyak 21 kursus telah dikendalikan yang melibatkan penyertaan seramai 1,981 kakitangan. PNM juga telah mengendalikan satu kursus di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

Sepanjang tahun 2009, PNM telah mencapai beberapa kejayaan dalam SPK. Antaranya ialah mendapat tempat pertama dalam pelaksanaan HRMIS terbaik, tempat ketiga dalam Pertandingan Kumpulan Mutu Kerja (KMK) Peringkat KPKK, lima kumpulan terbaik dalam Pertandingan Inovasi Peringkat KPKK. PNM telah mencapai kecemerlangan prestasi berdasarkan Indek Pengukuran Piagam Pelanggan sebanyak 95.8%. Satu bengkel pemukiman MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 26 hingga 29 Julai 2009 untuk menukar dokumen dari versi MS ISO 9001: 2000 kepada versi MS ISO 9001: 2008.



Anugerah Kumpulan Mutu Kerja (KMK) KPKK 2009 Tempat Ke-3



Anugerah Pelaksanaan HRMIS Terbaik KPKK 2009



Sijil Penghargaan Khas Anugerah Pelaksanaan HRMIS Terbaik KPKK 2009




Sijil Penghargaan Khas Kumpulan Era Baru Tempat Ke-3 Konvensyen (KMK) KPKK 2009

PELAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) (2009 - 2013)

Tahun 2009 memperlihatkan kejayaan PNM menyediakan Pelan Strategik PNM 2009 - 2013 dengan menetapkan visinya untuk menjadi Peneraju Pembangunan, Perkhidmatan dan Kepimpinan Perpustakaan bertaraf dunia. Visi ini disokong dengan 4 misi utama dan 5 teras perkhidmatan PNM iaitu:





PERISTIWA PENTING 2009 ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



<<< **14 Januari 2009**

Perutusan Tahun Baru 2009 di PNM yang disertai oleh semua warga PNM.

5 Februari 2009>>>

Sesi Dialog Bersama
YBhg Dato' Raslin Abu Bakar,
Ketua Pengarah PNM
dengan Ketua Pustakawan IPTA / IPTS
dan Pengarah Perpustakaan Awam Negeri.



<<< **15 Februari 2009**

Perasmian Perpustakaan Desa
di Merbok, Kedah oleh
YB Dato' Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal,
Menteri KeKKWa.

19 Februari 2009>>>

Gambar beramai di Majlis Pelancaran
IMPAC Dublin Literary Award for Young Malaysians
yang telah disempurnakan oleh
YBhg Dato' Raslin Abu Bakar
dan HE Eugene Hutchinson, Duta Ireland.



<<< **15-16 Mac**

YB Dato' Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal,
Menteri KeKKWa telah merasmikan
Konvensyen Perpustakaan Desa 2009
di Johor Bharu, Johor.

30 April 2009>>>

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM telah merasmikan Program e-Teroka Perpustakaan Negara Malaysia di ruang pameran PNM.



<<<31 Mei 2009

Majlis Perasmian Perpustakaan dan Karnival Membaca Pulau Pinang diadakan di Perpustakaan Desa Kampung Besar, Pulau Pinang oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM.

3-7 Julai 2009>>>

Perasmian Perpustakaan Desa Chucoh Puteri dan Manek Urai Lama, Kelantan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.




<<<20-22 Julai 2009

Persidangan Perpustakaan Digital Ke-5 dirasmikan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri KKK di Hotel Best Western Premier Seri Pacific, Kuala Lumpur.

10-11 Ogos 2009>>>

Persidangan Pemantapan Perkhidmatan Pegawai Kumpulan Sokongan PNM di Auditorium INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur dengan tema 'Kakitangan Cemerlang Perkhidmatan Berkualiti'.





<<<20 Ogos 2009

Forum Perdana Hal Ehwal Islam
berlangsung di PNM.

6-7 Oktober 2009>>>

Islamic Educational Scientific and
Cultural Organization (ISESCO)
Regional Experts Meeting
telah diadakan di PNM dan dihadiri
oleh 10 orang peserta dari luar negara.



<<<15 Oktober 2009

Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak
Sedunia Malaysia di Perpustakaan Negara
Malaysia bersama YBhg Dato' Raslin Abu Bakar,
Ketua Pengarah PNM dan YB Senator Heng Seai Kie,
Timbalan Menteri KPKK.


17 Oktober 2009>>>

Majlis sambutan Hari Kualiti PNM 2009
yang telah disempurnakan oleh
YBhg Dato' Sri Kamarudin Siaraf,
Ketua Setiausaha KPKK.



<<<7 Disember 2009

Majlis Pelancaran Bank Buku Sempena Program
Membaca 1Malaysia 'Jauh Perjalanan Luas
Pengetahuan' oleh YB Senator Heng Seai Kie,
Timbalan Menteri KPKK di KL Sentral.



PERKHIDMATAN PENGURUSAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah.

Fungsi utama PNM terbahagi kepada 3 aktiviti utama. Setiap aktiviti ini mempunyai sub-aktiviti atau Bahagian masing-masing untuk mencapai matlamat dan objektif PNM.

Aktiviti Pengurusan

- Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Perancangan dan Perhubungan Korporat
- Teknologi Maklumat

Aktiviti Pembangunan Perpustakaan

- Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

Aktiviti Perkhidmatan Maklumat

- Perkhidmatan Malaysiana
- Perkhidmatan Maklumat Umum
- Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)

Di samping itu, terdapat 22 Bahagian (Sub-aktiviti) dan 1 Unit. Setiap unit diketuai oleh Pengarah dan Bahagian pula diketuai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah. Unit Audit Dalam diketuai oleh Ketua Audit. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif dan matlamat Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mengandungi 4 unit yang menjalankan 4 fungsi, iaitu Khidmat Pengurusan, Pengurusan Sumber Manusia, Perancangan Sumber Manusia dan Kewangan.

Khidmat Pengurusan

Fungsi utama Unit Khidmat Pengurusan adalah urusan pentadbiran Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan keselamatan bangunan, penyenggaraan bangunan, urusan kenderaan Jabatan, kantin dan sebagainya. Bahagian ini juga menjadiurus setia kepada beberapa aktiviti seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Perhimpunan Bulanan.

Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat swasta yang dilantik secara kontrak. Kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat tersebut ialah penyenggaraan bangunan termasuk dari segi sistem sivil, mekanikal dan elektrik serta pembersihan dalam bangunan, pembersihan kawasan dan lanskap dan pengawalan makhluk perosak.

Sepanjang tahun 2009, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja mengganti 2 unit lif pembaca, pembaikan kecil bangunan, pengindahan kawasan dan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan penggunaan perpustakaan.

Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat 3 jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu Jawatankuasa Mencegah Kebakaran, Jawatankuasa Pelan Kontingensi dan Jawatankuasa Pertolongan Cemas.

Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2009, kedudukan perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia adalah seperti berikut:

Perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia

KUMPULAN	JAWATAN	PENGISIAN
Pengurusan Tinggi	2	2
Pengurusan Profesional	143	135
Kumpulan Sokongan	381	367
Jumlah	526	504

Dari jumlah perjawatan di atas seramai 38 orang orang adalah jawatan kader dari Jabatan Penerangan, Akauntan Negara dan Perkhidmatan Gunasama.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dalam Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Kader Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai yang ditempatkan di Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Perjawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATAN	PENGISIAN
Pustakawan	309
Penolong Pegawai Perpustakaan	216
Kumpulan Sokongan	965
Jumlah	1,490

Bagi Jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan ini hanya menguruskan penempatan, pertukaran, perlepasan jawatan dan kenaikan pangkat sahaja, manakala urusan perkhidmatan yang lain diuruskan sendiri oleh agensi-agensinya berkenaan.

Perlantikan, Persaraan dan Perletakan Jawatan

JAWATAN	JUMLAH
Perlantikan Pustakawan Pembantu Perpustakaan	5 orang 38 orang
Persaraan	2 orang
Perletakan Jawatan	7 orang

Pada tahun 2009, seramai 5 orang Pustakawan dan 38 orang Pembantu Perpustakaan telah dilantik. Manakala 2 orang kakitangan telah bersara wajib dan 7 orang meletakkan jawatan.

Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia adalah Pegawai Pengawal. Dalam tahun 2009, Perpustakaan ini telah menerima peruntukan wang berjumlah RM119,106,500.00 untuk belanja mengurus. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM119,633,880.48 dengan peratus perbelanjaan 100.44%. Peruntukan ini diagihkan kepada Bahagian-bahagian. Timbalan Pengarah dan Ketua Bahagian bertanggungjawab mengurus peruntukan tersebut dengan diselia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)* dan Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.

Aktiviti-aktiviti

2 aktiviti penting telah dijalankan iaitu:

- **Perhimpunan Bulanan**

Pada tahun 2009, Jabatan telah mengadakan 3 kali perhimpunan bulanan. Tujuan perhimpunan ini diadakan untuk membolehkan anggota Jabatan ini mendengar amanat dan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

- **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009**

Seramai 38 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2009. Senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah seperti berikut:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Chin Loy Jyoon

Pustakawan Gred S48

Dahlan bin Samad

Pustakawan Gred S48

Rosenah binti Abdul Karim

Pustakawan Gred S44

Akmal binti Haji Mohd Salleh

Pustakawan Gred S41

Mohd Afirol bin Mat Ariffin

Pustakawan Gred S41

Manirah binti Mansor

Pustakawan Gred S41

Mohamad Zaki bin Yusof

Pustakawan Gred S41

Norhasliza binti Mohd Razali

Pustakawan Gred S41

Khairiah binti Haji Alias

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41

Suriyana binti Yusof

Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S32

Ramaperbah A/P Chandran

Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27

Ricaldo Geonan Majutin

Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27

Rosmini binti Ismail

Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27

Sharifah Zamrud binti Syed Abd Rahman

Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27

Ruhani binti Mahmood

Pembantu Perpustakaan Gred S22

Norashikin Lee binti Abdullah

Pembantu Perpustakaan Gred S22

Siti Aishah Wong binti Abdullah

Pembantu Perpustakaan Gred S22

Maznah binti Marjunid

Pembantu Perpustakaan Gred S22

Mazni binti Mansor

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Rashid bin Tiga Hari

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Mohd Hasril bin Muhamad Janip

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Sunita binti Rasdi

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Samad bin Amary

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Mohamad Hafazah bin Mohd Azrai

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Saniza binti Mohamed Noor

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Nurazlina binti Alias

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Doris binti Anthony Masuil

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Amy bin Judin

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Norazah binti Mohd Room

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Suhaimi bin Seman

Pembantu Perpustakaan Gred S17

Anuar bin Azizan

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Norkhamimi binti Jalani

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Beatrice Anak Alexander Ming

Pembantu Akuatant Gred W17

Ismail bin Abdul Raffar

Pembantu Pemuliharaan Gred S17

Jamaluddin bin Mabat

Pemandu Gred R3

Laila binti Ibrahim

Pembantu Am Pejabat Gred N1

Mohd Firdaus bin Omar

Pembantu Am Pejabat N1

Suhaizah binti Ali

Pembantu Am Pejabat Gred N1

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) PNM bertanggungjawab dalam menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan semua warga Perpustakaan Negara Malaysia serta staf di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Program ini termasuk pengendalian kursus dan bengkel, penghantaran pegawai mengikuti kursus di dalam dan luar negara, lawatan sambil belajar dan penempatan pegawai di pelbagai institusi untuk menambah serta memperluaskan pengalaman mereka. Di samping itu, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM), Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

- **Kursus/Bengkel Jabatan**

Sebanyak 41 kursus/bengkel, seminar dan persidangan sepanjang tahun 2009 telah dianjurkan yang melibatkan 1,981 orang warga Perpustakaan Negara Malaysia, pegawai dan kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dan pihak swasta. Ia meliputi 3 kursus wajib, 16 kursus generik, 17 kursus fungsional dan 5 kursus ad-hoc yang diperlukan oleh Jabatan untuk memastikan kualiti perkhidmatan tercapai dan membina modal insan yang cemerlang.

- **Kursus/Bengkel/Seminar/Persidangan di Luar Jabatan**

Pada tahun 2009, seramai 245 orang peserta telah melalui 71 kursus/bengkel, seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan pengurusan berkualiti, sistem komputer, komunikasi, literasi maklumat, teknologi maklumat dan sebagainya.

- **Latihan Praktik dan Penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia**

Seramai tiga kumpulan pelajar telah menjalani Latihan Praktik dan Penempatan Pelajar. Pelajar-pelajar telah ditempatkan di 22 Bahagian Jabatan yang memberi pendedahan dalam bidang kepustakawanan di samping meningkatkan kemahiran dan keberkesanan peserta bagi melengkapkan diri untuk bekerja di dalam sektor perpustakaan.

- **Program Kerjasama Teknikal Malaysia
(Malaysian Technical Cooperation Programme)**

PNM telah mengendalikan 1 kursus di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia iaitu *Workshop on Leadership Development for Senior Executives of National Libraries in Developing Countries* bagi sektor perpustakaan bagi tahun 2009. Seramai 11 orang peserta dari negara-negara membangun telah menghadiri kursus ini yang telah diadakan pada 28 Jun hingga 12 Julai 2009.

NEGARA MALAYSIA

- **Peperiksaan Perkhidmatan/PTK**

Pada tahun 2009, BPSM telah mengurus 2 siri Peperiksaan PTK Kompetensi khusus bagi pegawai Gred S17 hingga Gred S41 yang melibatkan seramai 513 calon.

BPSM juga telah melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Skim Perkhidmatan Perpustakaan dan Ujian Menaip (18 p.s.m) yang di mana seramai 673 calon telah menduduki peperiksaan tersebut.

Bagi Kumpulan Sokongan yang baru dilantik untuk syarat pengesahan dalam perkhidmatan, BPSM telah mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Skim Perkhidmatan Perpustakaan dan Ujian Menaip. Seramai 453 calon telah mengambil peperiksaan ini.

BPSM juga melaksanakan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke Skim Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27. Tujuan peperiksaan ini adalah untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan II (Gred S17 - S26) ke gred jawatan yang lebih tinggi iaitu ke Kumpulan Sokongan I. Peperiksaan ini hanya diadakan sekali setahun. Seramai 213 calon telah mengambil peperiksaan ini.

- **Kursus / Bengkel Pengurusan Perpustakaan Awam Negeri Dan Perpustakaan Desa**

Sebanyak 9 kursus / bengkel telah dilaksanakan kepada kakitangan Perpustakaan Desa, petugas Perpustakaan Desa Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan kakitangan Perpustakaan Awam Negeri. Seramai 679 orang kakitangan daripada Perpustakaan Desa PNM, petugas Perpustakaan Desa Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan kakitangan Perpustakaan Awam Negeri telah menyertai kursus yang telah dilaksanakan.

PERANCANGAN DAN PERHUBUNGAN KORPORAT

Di bawah aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat, terdiri daripada 3 perkhidmatan utama iaitu Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan dan Bahagian Penerbitan.

Dalam usaha untuk mengukur prestasi perkhidmatan ke arah pencapaian kualiti perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia, 7 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditetapkan oleh Jabatan.

- Perolehan, pendokumentasian dan pemeliharaan koleksi perpustakaan sebagai warisan intelek negara.
- Membina infrastruktur perpustakaan dan maklumat untuk masyarakat bandar dan luar bandar.
- Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan dan maklumat melalui pembangunan sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA).
- Memastikan masyarakat mengamalkan budaya membaca berdasarkan peningkatan keahlian perpustakaan, pinjaman bahan perpustakaan, pengunjung, koleksi perpustakaan serta kajian dan penyelidikan.
- Pelaksanaan program Galakan Membaca Kebangsaan / Tulisan Jawi.
- Menerbitkan bahan bacaan dalam bidang keputakawanan dan kebudayaan.
- Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan.

PNM turut menyumbang kepada pencapaian KPI Timbalan Ketua Setiausaha KPKK (Kebudayaan) seperti berikut:

- Perolehan, pendokumentasian dan pemuliharaan 98,673 naskhah koleksi perpustakaan sebagai warisan intelek negara melalui pembelian.
- Menerbitkan sebanyak 7 bahan bacaan dalam bidang kepustakawanan dan kebudayaan, sistem komputer, komunikasi, literasi maklumat, teknologi maklumat dan sebagainya.

Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM

Mesyuarat Lembaga Penasihat telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 22 Januari, 26 Mac dan 13 Ogos bagi tahun 2009 di Perpustakaan Negara Malaysia.

Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 18 kali Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM telah diadakan.

Mesyuarat Pengurusan PNM

Mesyuarat Pengurusan PNM merupakan mesyuarat peringkat tertinggi dalam bidang kepustakawanan di PNM. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 8 kali mesyuarat telah diadakan.

Parlimen

Sepanjang tempoh mesyuarat di Parlimen bagi Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara 2009, sebanyak 16 soalan berkaitan PNM telah diterima dan dijawab oleh Jabatan.

Promosi

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah mendapat sebanyak 355 promosi terdiri daripada liputan media cetak dan media elektronik.


Sesi Pembangunan Profesionalisme

Bagi tahun 2009, sebanyak 6 sesi pembangunan profesionalisme telah diadakan oleh PNM yang melibatkan pustakawan dan penolong pegawai PNM yang baru di lantik. Sesi ini meliputi sesi 'Ice Breaking' dan ceramah dari bidang perpustakaan dan kepustakawanan oleh penceramah jemputan.

Penyelidikan Perpustakaan

Bagi tahun 2009, sebanyak 2 kajian penyelidikan telah dilaksanakan iaitu Kajian Kepuasan Pelanggan Perpustakaan Negara Malaysia 2009 dan Kajian Tinjauan Harga Buku di Malaysia 2009.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



TEKNOLOGI MAKLUMAT ●

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Bahagian Teknologi Maklumat telah menjadi urus setia untuk menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Jabatan bagi tempoh 2010 - 2013. Dokumen PSTM ini dapat dijadikan sebagai satu garis panduan atau *blue print* kepada PNM untuk merancang secara lebih strategik dan terarah dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Perpustakaan Negara Malaysia (2010-2013)

VISI

Sebagai peneraju perkhidmatan perpustakaan kearah masyarakat bermaklumat melalui ICT

MISI

Merealisasikan perpustakaan sebagai pusat rujukan utama melalui akses tanpa sempadan

Memantapkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan melalui sistem pengurusan ilmu dan perkongsian maklumat

Pemantapan
Penyampaian
Perkhidmatan
Perpustakaan
Berteraskan
ICT

TERAS 1

Pengukuhan
Dan
Pengintegrasian
Aplikasi

TERAS 2

Pemantapan
Infrastruktur
ICT Dan
Perkongsian
Sumber
Teknologi

TERAS 3

Pemantapan
Tadbir Urus
ICT Dan
Pembangunan
Korporat

TERAS 4

Pembangunan
Modal Insan
Berkemahiran
ICT

TERAS 5



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat Malaysia membaca serta membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memudahkan akses kepada sumber ilmu dan maklumat melalui rangkaian dan infrastruktur yang terancang. Sebanyak 22 Perpustakaan Desa dan Pekan telah dirasmikan oleh YB Menteri KPKK, YAB Ketua Menteri Melaka, ADUN setempat dan Ketua Pengarah PNM. Sehingga Disember 2009 beberapa program dan projek telah dilaksanakan seperti berikut:

- **Projek Perpustakaan Negara Malaysia**

Pada tahun 2009 sebanyak RM17,576,540.00 disediakan untuk projek pembangunan Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuan pembinaan bangunan tambahan Perpustakaan Negara Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM17,442,791.80 iaitu 99.2% daripada jumlah yang diperuntukan.

- **Projek Perpustakaan Awam Negeri**

Pada tahun 2009, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM4,250,000.00 kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri bagi mempertingkatkan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara. Sebanyak RM3,217,208.20 (76%) telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 2 projek Perpustakaan Awam Cawangan seperti berikut:

- (i) Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang

Pada tahun 2009, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang dan sehingga Disember 2009, sebanyak RM2,217,400 (74%) telah dibelanjakan.

- (ii) Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang

Pada tahun 2009, sebanyak RM1,250,000.00 telah diperuntukkan untuk pembinaan Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang dan sehingga Disember 2009, sebanyak RM999,808.20 (80%) telah dibelanjakan.

- **Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan dan Program Membaca Perpustakaan Awam Negeri**

Pada tahun 2009 sebanyak 3 mesyuarat telah dilaksanakan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Negeri Sabah dan Pustaka Negeri Sarawak berinteraksi dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia serta membincangkan isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan khususnya dan bidang kepustakawanan amnya serta pelaksanaan program membaca. Mesyuarat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) 15 April 2009 - Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan dan Program Membaca Perpustakaan Awam Negeri Bil. 1/2009 telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia.
 - (ii) 11 Mei 2009 - Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan dan Program Membaca Perpustakaan Awam Negeri Bil. 2/2009 telah diadakan di Hotel Lisbon, Melaka.
 - (iii) 19 Disember 2009 - Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan dan Program Membaca Perpustakaan Awam Negeri Bil. 3/2009 telah diadakan di Hotel Royale Bintang, Seremban.

- **Konvensyen Perpustakaan Desa 2009**

Konvensyen Perpustakaan Desa 2009 merupakan konvensyen yang pertama kali dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor pada 15 dan 16 Mac 2009 bertempat di The Zone Regency Hotel, Johor Bahru bertemakan "Masyarakat Membaca Masyarakat Berilmu". Perasmianya telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie Hj. Apdal, Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Konvensyen ini bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama dan mengeratkan hubungan di antara Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri dan agensi-agensi Kerajaan seperti KEMAS dan FELDA ke arah memperkasakan Perpustakaan Desa sebagai pusat kegiatan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat serta menggalakkan minat membaca di kalangan masyarakat setempat. Konvensyen ini telah dihadiri oleh 1,000 orang peserta yang terdiri daripada Petugas / Penyelia Perpustakaan Desa, Penghulu, Ketua Kampung, Wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan wakil agensi Kerajaan.

BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Perkhidmatan Khidmat Nasihat dan Perundingan dipergiatkan dan diperluaskan aktiviti dan fungsinya apabila Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) mula ditubuhkan pada tahun 2002 di bawah penstrukturan semula Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Objektif BKNP adalah untuk memantapkan pembangunan perpustakaan di seluruh negara melalui khidmat pakar runding perpustakaan serta memantapkan peranan kepimpinan Jabatan dalam pembangunan perpustakaan dan kepustakawanan.

PENCAPAIAN PRESTASI AKTIVITI

- **Khidmat Nasihat**

Sehingga Disember 2009, terdapat 496 Perpustakaan Khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan yang perlu dipantau oleh BKNP dengan jumlah keseluruhan pegawai adalah seramai 1132 orang yang terdiri daripada gred S52 hingga S17.

Pada tahun 2009, BKNP telah melaksanakan lawatan khidmat nasihat ke-63 perpustakaan khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di seluruh negara, menyediakan laporan serta cadangan penambahbaikan untuk dikemukakan kepada institusi yang dilawati. Selain itu, BKNP juga telah melaksanakan lawatan pemantauan ke 10 buah Perpustakaan Desa PNM.

- **Khidmat Perundingan**

Sepanjang tahun 2009, BKNP telah melaksanakan khidmat perundingan, lawatan serta menyediakan sebanyak 17 kertas cadangan berdasarkan kepada permohonan daripada perpustakaan khusus kerajaan, badan berkanun, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan 2009

BKNP telah menganjurkan 3 Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan sepanjang tahun 2009 iaitu:

- Mesyuarat Bersama Penyelia Perpustakaan Zon Sabah / Sarawak 2009, pada 12 – 13 Julai 2009 di The Palace Hotel Kota Kinabalu, Sabah.
- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Dengan Anggota Sokongan Zon Sabah / Sarawak Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2009, pada 12 – 14 Julai 2009 di The Palace Hotel Kota Kinabalu, Sabah.
- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Kementerian / Jabatan Kerajaan Peringkat Ikhtisas 2009 , pada 4 – 6 Disember 2009 di Awana Kijal Golf & Beach Resort, Terengganu.

Antara tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pustakawan , penolong pegawai perpustakaan dan pembantu perpustakaan yang bertugas di perpustakaan khusus berbincang dengan Ketua Perkhidmatan Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan mengenai isu dan masalah pengurusan perpustakaan khusus, meningkatkan perkhidmatan perpustakaan di organisasi masing-masing serta memupuk persefahaman dan kerjasama di antara mereka.

Bengkel Garis Panduan Perpustakaan Khusus Edisi 2

Pada tahun 2009, BKNP telah melaksanakan 2 bengkel Pemurnian Garis Panduan Perpustakaan Khusus (GPPK) iaitu:

- Pada 6 – 7 Julai 2009 di PNM. Seramai 37 peserta telah hadir yang terdiri daripada pelbagai kategori perpustakaan gunasama serta wakil daripada MAMPU, JPA dan Kementerian Kewangan.
- Pada 6 Disember 2009 di Awana Kijal Golf & Beach Resort, Terengganu sempena Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Kementerian / Jabatan Peringkat Ikhtisas 2009. Bengkel ini melibatkan peserta mesyuarat seramai 71 orang.

Tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk menyemak semula dan memurnikan GPPK sedia ada supaya ianya selaras dengan perkembangan perpustakaan masa kini dan sesuai dilaksanakan untuk perpustakaan alaf baru.

Persidangan Pemantapan Perkhidmatan Pegawai Kumpulan Sokongan PNM 2009

Persidangan Pemantapan Perkhidmatan Pegawai Kumpulan Sokongan PNM 2009 telah diadakan pada 10 - 11 Ogos 2009 di Auditorium INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur dengan tema Kakitangan Cemerlang Perkhidmatan Berkualiti. Persidangan ini telah dihadiri seramai 550 peserta yang terdiri daripada pegawai kumpulan sokongan yang bertugas di PNM dan juga di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan seluruh negara.



Pembinaan Bangunan Baru PNM.



Model Perpustakaan Desa.



KOLEKSI PERPUSTAKAAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENDOKUMENTASIAN

Monograf

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 17,578 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam negara yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah dikatalog dan sebanyak 23,722 judul bahan monograf untuk rujukan dan pinjaman telah dikatalog melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 9,698 judul bahan Malaysiana dan 14,024 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 4,167 judul kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP), sebanyak 7,951 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia telah disediakan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 97 penerbit baru telah menyertai perkhidmatan ini di mana 4 adalah penerbit kerajaan dan 93 lagi adalah penerbit bukan kerajaan.

Terbitan Bersiri

- Sebanyak 995 judul terbitan bersiri telah dikatalog dan dikelaskan.
- Sebanyak 465 judul majalah terbitan dalam negara yang mengandungi artikel penting dikesan dan sebanyak 7,201 artikel diindeks dan boleh dicapai dalam talian.
- Sebanyak 5 judul majalah terbitan luar negara dikesan yang mengandungi artikel penting dan sebanyak 30 artikel telah diindeks.

Sumber Media dan Elektronik

Sebanyak 3,166 judul bahan sumber media dan elektronik telah dikatalog.

Pangkalan Data Penerbit

Pelancaran Pangkalan Data Penerbit telah diadakan pada 24 Julai 2009 dan juga telah dipaparkan pada laman web Jabatan pada hari yang sama. Sebanyak 6,162 entri data penerbit telah diinput di dalam pangkalan data penerbit ini.

PEROLEHAN

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, PNM terus mempergiatkan program perolehan pelbagai sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*, pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2009, jumlah kumulatif koleksi PNM adalah 3,092,017 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperoleh sepanjang tahun 2009 di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* adalah sebanyak 299,147 unit, melalui pembelian sebanyak 111,503 unit dan melalui hadiah dan pertukaran sebanyak 4,069 unit.



PERKHIDMATAN MAKLUMAT ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

RUJUKAN MALAYSIANA


Salah satu peranan PNM ialah menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan. Perkhidmatan Malaysiana disediakan melalui Pusat Maklumat Malaysiana, Pusat Manuskrip Melayu dan Bahagian Pakar Maklumat.

Pusat Maklumat Malaysiana bertanggungjawab mengurus koleksi Malaysiana bagi kegunaan pembaca dan menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat berasaskan koleksi tersebut. Sehubungan ini, Pusat Maklumat Malaysiana berusaha memantapkan koleksi dan perkhidmatannya melalui penganjuran dan pelaksanaan pelbagai aktiviti bagi menjamin ketersediaan maklumat dan perkhidmatan yang cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan pembaca.

Keseluruhan koleksi Malaysiana yang disediakan berjumlah 983,501 naskah (Jadual 1).



Pada tahun 2009, seramai 199,828 pembaca merujuk kepada 327,215 koleksi Malaysiana (Jadual 2). Sejumlah 813 permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) diterima dan 19,885 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.



Koleksi Nadir

Bahan ini merupakan terbitan dalam dan luar negara sebelum tahun 1900 dan terbitan habis cetak atau tiada dalam pasaran. Bidang perkara bahan ini merangkumi sejarah, kebudayaan, politik, pertanian dan lain-lain. Terdapat lebih kurang 1.000 bahan nadir yang boleh dirujuk. Sehingga tahun 2009, sebanyak 1,681 judul telah dikumpulkan.

Koleksi Fana

Koleksi ini telah dibangunkan pada tahun 1995 dan ditempatkan di Bilik Koleksi Khas, Aras 2 Tengah. Terdiri daripada terbitan oleh pelbagai Jabatan dan kementerian termasuk poskad, brosur, buku program majlis, poster, kalender, setem dan sampul surat hari pertama. Koleksi dari tahun 1995 - 2009 adalah 13,203 judul atau 21,187 naskah.

Koleksi Peribadi

Koleksi Peribadi telah dibangunkan pada tahun 1994. Koleksi ini diperolehi daripada tokoh-tokoh terkenal dan mempunyai nilai sejarah seseorang serta maklumat berkaitan tokoh tersebut. Koleksi Peribadi terdiri daripada hasil karya individu atau koleksi peribadi tokoh yang merangkumi pelbagai bidang perkara seperti kesusasteraan, sejarah, penulisan, senibina, agama, kebudayaan dan lain-lain. Antara tokoh yang koleksinya telah diperolehi ialah John Bastin, A. Halim Nasir, Abdul Rahman Al-Ahmadi, Che Ismail Che Daud, Pak Sako, Aziz Jahpin, Cerita Cina Peranakan, Abdul Karim Abdullah, Mohd Idris Kamaruddin, Naharuddin Haji Ali dan A. Samad Said. Dari tahun 1994 - 2009 koleksi terkumpul berjumlah 16,555 judul atau 24,195 naskah.

Koleksi Arkib PNM

Koleksi Arkib PNM meliputi bahan terbitan PNM seperti brosur, risalah, buku program, poster, *banner*, buletin dan kertas kerja. Dari tahun 1973 - 2009 terdapat 2,365 judul dalam koleksi ini.

PUSAT MANUSKRIP MELAYU

- **Perolehan dan Pengesanan Manuskrip Melayu**

Pada tahun 2009, sebanyak 81 naskhah manuskrip asal telah diperolehi. Selain itu, sebanyak 17 judul manuskrip telah dibuat salinan dalam bentuk mikrofilem. Pengesanan manuskrip Melayu hanya dijalankan di negeri Kelantan.

- **Perkhidmatan Rujukan**

Pusat Manuskrip Melayu telah memberi perkhidmatan kepada 454 orang penyelidik yang telah merujuk kepada 854 naskhah asal manuskrip Melayu dan 105 manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem. Sebanyak 156 pertanyaan rujukan ringkas dan 283 pertanyaan penyelidikan telah diterima dan diberi maklum balas.

NEGARA MALAYSIA

Promosi

Pameran

Sebagai langkah untuk memasyarakatkan manuskrip Melayu di kalangan orang awam, 1 pameran telah diadakan di Ruang Pameran, Aras 1 PNM dan 4 pameran berdasarkan bidang perkara terpilih telah diadakan di Bilik Penyelidikan, Pusat Manuskrip Melayu seperti berikut:

- Pameran Manuskrip Islam di Ruang Pameran, Aras 1, PNM
- Pameran Kitab Munakahat
- Pameran Manuskrip Aceh
- Pameran Manuskrip Siratul Mustaqim
- Pameran Manuskrip Petua

Empat pameran bergerak telah diadakan di tempat-tempat berikut:

- Universiti Sains Islam Malaysia
- Lembaga Muzium Negeri Terengganu
- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Daftar Warisan Kebangsaan

Hukum Kanun Melaka telah daftarkan sebagai "Objek Warisan" dan seterusnya diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 seperti mana peruntukan *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*.

PAKAR MAKLUMAT

Bahagian Pakar Maklumat (BPM) telah dipertanggungjawabkan untuk memberikan perkhidmatan penyelidikan kepada pengguna perpustakaan dan orang ramai disamping berfungsi menyebarkan maklumat setempat kepada komuniti terpilih di sekitar Lembah Klang.

Sepanjang tahun 2009, BPM telah berjaya memenuhi permintaan maklumat pengguna di mana sebanyak 113 soalan berbentuk penyelidikan telah dijawab. Sebanyak 559 pertanyaan rujukan ringkas yang diterima melalui e-mel telah dapat diberi maklum balas. BPM juga menyediakan Perkhidmatan Pakejan Maklumat kepada pengguna khususnya pelajar sekolah berdasarkan topik projek sekolah dan hal ehwal semasa. Sebanyak 46 tajuk Pempakejan Maklumat merangkumi pelbagai bidang telah disediakan berdasarkan kepada permintaan pengguna yang semakin tinggi.

Aktiviti program *outreach* i-Komuniti di kawasan Flat Sri Negeri Sembilan, Bandar Baru Sentul telah diadakan dengan kerjasama Persatuan Penduduk Flat Sri Negeri Sembilan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Zon Bandar Baru Sentul pada 3 Oktober 2009. Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dan mendekatkan perpustakaan dengan orang ramai.

RUJUKAN UMUM

Bahagian Maklumat Umum bertanggungjawab untuk menyediakan bahan rujukan monograf dan terbitan bersiri luar negara dalam semua bidang perkara melalui Perkhidmatan Maklumat Umum. Selain itu, Bahagian Maklumat Umum juga bertanggungjawab menyediakan Koleksi Khas seperti Terbitan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Koleksi Harvard dan ASEAN untuk rujukan pembaca.

Pada tahun 2009 seramai 32,307 pembaca telah menggunakan Perkhidmatan Maklumat Umum dan sebanyak 65,517 bahan telah dirujuk. Jumlah pertanyaan rujukan ringkas yang diterima dan dijawab adalah sebanyak 3,617 pertanyaan.

- **Koleksi Monograf Luar Negara**

Koleksi Monograf Luar Negara merupakan koleksi utama yang terdapat di bawah Perkhidmatan Maklumat Umum. Koleksi ini terdiri daripada rujukan bahan daripada terbitan luar negara seperti buku, direktori, kamus, ensaiklopedia, atlas, almanak dan tesaurus meliputi pelbagai subjek. Pada tahun 2009, sebanyak 2,732 naskhah telah diterima untuk rujukan.

- **Terbitan Bersiri Luar Negara**

Koleksi Terbitan Bersiri yang dilanggan dari luar negara menyediakan pelbagai bahan maklumat dalam bentuk bercetak seperti surat khabar, majalah, jurnal, abstrak dan indeks. Sebanyak 12 judul surat khabar dan 279 judul majalah dan jurnal luar negara langganan semasa disediakan untuk pembaca. Penerimaan bahan terbitan bersiri pada tahun 2009 adalah sebanyak 2,937 naskhah, manakala penerimaan surat khabar adalah sebanyak 4,256 naskhah.

- **Koleksi Khas**

- **Koleksi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu**

PNM merupakan Pusat Penyerahan Terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1976. Sejalan dengan peranan ini, bahan terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pelbagai agensi di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu seperti IAEA, ILO, FAO, UNESCO, WHO, World Bank, IFC, IMF, WIFO, UNIDO, GATT diperolehi dalam bentuk monograf, laporan tahunan dan terbitan bersiri secara percuma. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 1,459 naskhah telah diterima.

- **Koleksi Harvard**

Koleksi ini dibangunkan dengan peruntukan daripada Kelab Alumni Harvard Malaysia sejak 2000. Koleksi ini diterbitkan oleh Harvard University Press, Harvard Business School dan Harvard Business Publishing. Pada tahun 2009, sebanyak 4,190 naskhah telah diterima untuk rujukan pengguna perpustakaan.

- **Koleksi ASEAN**

Koleksi ASEAN mengandungi koleksi mengenai Negara-negara Asia Tenggara yang menganggotai ASEAN. Koleksi ini merangkumi pelbagai bidang perkara seperti sosial, kebudayaan, ekonomi, politik dan pembangunan warisan negara setiap negara.

BAHAGIAN KHIDMAT PELANGGAN

- **Pendaftaran Keahlian PNM**

Seramai 55,933 orang telah mendaftar sebagai ahli PNM bagi tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, seramai 40,690 adalah dari kategori dewasa manakala 15,243 adalah kategori kanak-kanak. Jumlah keahlian PNM secara kumulatif sehingga 31 Disember 2009 adalah seramai 865,330 orang. Kempen keahlian luar Jabatan telah diadakan di 89 lokasi yang melibatkan sekolah, Jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

- **Program Hari Bertemu Pelanggan**

PNM menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelanggan memberikan maklum balas terhadap perkhidmatan yang ditawarkan demi memenuhi kehendak pelanggan dari semasa ke semasa. Sebanyak 10 program telah dilaksanakan di premis sendiri dan juga di luar premis.

- **Program Pendidikan Pengguna**

Program Pendidikan Pengguna bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pengguna mengenai sumber-sumber rujukan dan cara-cara untuk mengakses kepada sumber maklumat yang terdapat di PNM. Pada tahun 2009, sebanyak 20 program telah diadakan. Para peserta program terdiri daripada para pelajar sekolah menengah dan beberapa institusi lain sekitar Lembah Klang.

BAHAGIAN PINJAMAN

PNM menyediakan Perkhidmatan Pinjaman ke arah membina masyarakat berilmu dan membaca. Aktiviti Pinjaman PNM diperjelaskan seperti berikut:

- **Pinjaman Pusat**

Bagi tahun 2009, sebanyak 335,662 naskhah telah di pinjam oleh ahli.

- **Aktiviti Kanak-Kanak**

Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk tujuan galak guna bahan bacaan serta menyokong Kempen Galakan Membaca. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 48 aktiviti telah dilaksanakan.

- **Pinjaman Berkelompok**

Sehingga Disember 2009, jumlah ahli Pinjaman Berkelompok ialah 200 institusi dan pada tahun 2009, sebanyak 55 institusi telah menjadi ahli baru dengan pinjaman bahan sebanyak 34,296 naskhah.

- **Perkhidmatan Buku Untuk Anda
(Books On The Go)**

Perkhidmatan "Buku Untuk Anda" berperanan memberi perkhidmatan pinjaman buku bagi mempromosi Program Galakan Membaca terutama Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok yang ditawarkan oleh PNM khususnya kepada komuniti orang ramai, pelajar sekolah di bandar dan luar bandar sejajar dengan usaha kerajaan membantu penduduk menambahkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan secara mudah tanpa perlu ke perpustakaan.

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL NASIONAL (PERDANA)

Pendigitalan Sumber Perpustakaan

PNM telah memperoleh sistem pengurusan kandungan digital pada November 2008. Sistem pengurusan kandungan digital ini berfungsi untuk mengumpul, mengurus dan mendokumentasikan sumber-sumber perpustakaan terpilih yang telah didigitkan seperti Manuskrip Melayu, buku nadir, koleksi peribadi, artikel surat khabar/majalah tempatan dan luar negara, laporan tahunan, terbitan-terbitan Jabatan, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia, kertas persidangan/seminar dan foto-foto berkaitan aktiviti dan peristiwa berkaitan Jabatan.

Sepanjang 2009, sebanyak 10 judul Manuskrip Melayu, 257 judul buku nadir, 112 judul artikel suratkhbar/majalah, 36 Laporan Tahunan PNM (dari tahun 1966-2002), 3 judul terbitan bersiri, 73 judul kertas persidangan/seminar dan 83 foto telah berjaya didigitkan, membabitkan keseluruhannya sebanyak 60,000 muka surat.

PNM juga telah membangunkan kandungan digital tempatan dalam bentuk portal dan laman web. Setakat ini, antara portal/laman web inisiatif digital yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:

- Yang di-Pertuan Agong (<http://www.malaysianmonarchy.org/>)
- Sejarah Malaysia (<http://sejarahmalaysia.pnm.my>)
- Warisan Budaya Malaysia (<http://malaysiana.pnm.my/>)
- Setem dan Sampul Surat Hari Pertama (<http://setem.pnm.my/>)
- Pameran Maya Yang Pertama (<http://www.pnm.my/yangpertama/>)
- Sirih Pinang : Simbol Budaya Melayu (<http://www.pnm.my/sirihpinang/>)
- Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang (<http://www.pnm.gov.my/manuskrip/default.htm>)
- Pameran Maya Citra Wanita Unggul (<http://i-baca.pnm.my/citra/>)
- Selsema Burung (<http://avianflu.pnm.my/>)
- Bencana Tsunami (<http://tsunami.pnm.my/>)
- Denggi (<http://denggi.pnm.my/>)
- Pameran Maya Perpustakaan Keluarga (<http://pkeluarga.pnm.my/>)

Selain daripada itu, PNM juga sedang melaksanakan pembangunan rekod-rekod metadata bagi mendokumentasikan sumber-sumber digital yang telah dibangunkan oleh PNM, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Akademik dan Perpustakaan Gunasama. Setakat ini, keseluruhannya sebanyak 5,150 rekod metadata bagi portal/laman web inisiatif digital PNM (embedded metadata) dan 649 rekod metadata inisiatif digital Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri (standalone metadata) telah berjaya dibina menggunakan skema metadata yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu *Dublin Core*.

Zon Siber

Dalam rangka meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada awam, zon siber ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan Kesekretariatan dan akses kepada pelbagai *online database* telah ditempatkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Zon Wifi

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melancarkan perkhidmatan wifi pada 5 Disember 2008. Ini adalah perkhidmatan nilai tambah kepada masyarakat untuk membolehkan pengguna untuk mengakses Internet di mana jua dan pada bila-bila masa saja di PNM. Sebanyak 18 unit *Wireless Access Point (WAP)* yang dibuat tersedia untuk tujuan ini.

PERKHIDMATAN DIGITAL

Pusat Hipermedia Dewasa

Terletak di Aras 4, Blok Timur, Perpustakaan Negara Malaysia. Pusat Hipermedia Dewasa dibiayai oleh Yayasan FELDA mula beroperasi pada 23 April 2003. Ia dilengkapi dengan 30 unit komputer multimedia untuk pengguna perpustakaan berumur 13 tahun dan ke atas. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan termasuklah:

- **Mylib**

Melalui portal Mylib, pengguna boleh mengakses pangkalan data komersil dan bukan komersil seperti Current Law Journal (CLJ Legal Network), EBSCOhost, Global Market Information Database (GMID), Bernama Library and Infolink Service (BLIS), ebrary, Emerald, Nexis, SIRIMlink, BOND, MASTICLink, PalmOilis, AOM (Article On Malaysia) dan PNM's Digital Resources Portal yang dilanggan untuk tujuan rujukan.

- **eBooks**

Koleksi buku elektronik dari laman web NetLibrary dan ebrary yang tersedia untuk dirujuk secara dalam talian.

- **Audio dan Video on Demand**

Koleksi media elektronik yang terpilih untuk diakses melalui komputer multimedia yang disediakan.

- **Interactive Learning**

Koleksi terpilih bahan CD-ROM dalam pelbagai bidang perkara yang disediakan bagi tujuan pembelajaran.

- **Internet**

Pencarian maklumat tanpa sempadan melalui internet.

Pusat Hipermedia Kanak-Kanak

Pusat Hipermedia Kanak-kanak di Perpustakaan Kanak-kanak, Blok Barat, Perpustakaan Negara Malaysia. Ia dibiayai oleh Syarikat ExxonMobil dan mula beroperasi pada 1 September 1994. Kanak-kanak yang berumur di antara 4 hingga 12 tahun boleh menikmati perkhidmatan yang disediakan seperti:

- **Sudut Cerita**

Sudut ini dilengkapi dengan perkakasan audio visual di mana kanak-kanak boleh menonton dan mendengar cerita yang terdapat dalam koleksi Bahagian Hipermedia.

- **Sudut Muzik**

Kanak-kanak boleh mendengar dan menyanyi bersama melalui lagu-lagu yang sesuai dengan usia mereka bagi tujuan belajar sambil berhibur.

- **Sudut Komputer**

Sudut ini dilengkapi dengan 11 unit komputer multimedia yang menyediakan pelbagai perisian interaktif berunsur pendidikan bagi merangsang minda dan kreativiti kanak-kanak. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini terbuka kepada kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun sahaja.



PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI

Dalam menjaga keaslian bentuk fizikal bahan perpustakaan, pihak Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan reprografi khusus kepada bahan Manuskrip Melayu, bahan-bahan Nadir Malaysiana dan terbitan bersiri. Satu langkah tambahan telah diambil dengan membuat kerja-kerja memikrofilem beberapa suratkhbar tempatan, Manuskrip Melayu dan bahan nadir yang ada dalam simpanan perpustakaan.

Tujuan memikrofilem bahan-bahan tersebut adalah bagi menjamin keaslian bahan-bahan yang sedia ada daripada mengalami kerosakan akibat penggunaan yang kerap oleh para pengguna perpustakaan. Semua bahan yang telah dimikrofilem boleh dirujuk oleh para pengguna.

Aktiviti pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyenggaraan terhadap koleksi perpustakaan, kerja-kerja menjilid buku, kertas seminar, bahan terbitan bersiri dan pemuliharaan Koleksi Manuskrip Melayu dan bahan nadir.

Aktiviti Pemuliharaan

• Pembaikan Manuskrip Melayu

Kebanyakan bahan Manuskrip Melayu yang diterima adalah dalam keadaan yang amat buruk keadaan fizikalnya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh tiada satu cara penyimpanan yang rapi oleh pemilik bahan-bahan tersebut. Bagi menjaga dan menyelamatkan bahan ini dari terus musnah, kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat. Pada tahun 2009, sebanyak 175 naskhah Manuskrip Melayu telah dibuat pewasapan. Tujuan kerja-kerja ini di buat adalah untuk melindungi bahan-bahan ini dari makhluk perosak dan ditumbuhi kulat. Daripada jumlah ini sebanyak 934 helaian telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik pembaikan tisu dan sebanyak 2,154 helaian telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik *Leafcasting*.

• Pemuliharaan Bahan Nadir


Pada tahun 2009, sebanyak 10,807 helaian bahan ini telah dibuat pemuliharaan dan pembaikan. Bahan yang telah dibaik pulih ini dijilid dalam 95 jilidan.

Aktiviti Reprografi


Walaupun dunia sekarang ini melangkaui era teknologi digital dan terus berkembang pesat, namun aktiviti reprografi turut berkembang seiring dengan teknologi terkini. Teknologi mikrografi merupakan satu teknik mengubah format bahan bercetak ke format mikrofilem. Teknik ini masih digunakan kerana ianya dapat memanjangkan hayat sesuatu bahan itu sehingga 100 tahun lamanya.

• Pada tahun 2009, sebanyak 161 torak mikrofilem telah dihasilkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 30 torak mikrofilem terdiri daripada manuskrip Melayu, 3 torak mikrofilem bagi bahan nadir dan sebanyak 115 torak mikrofilem dibuat terhadap 7 judul suratkhbar.

• Pada tahun 2009 sebanyak 4,334 keping gambar berkaitan aktiviti-aktiviti PNM telah dicetak. Jumlah bahan yang telah dirakam dan dicetak, adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1
AKTIVITI REPROGRAFI
Tahun 2005 Hingga 2009



SISTEM PENGURUSAN KUALITI ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

• **MS ISO 9001 : 2000**

Perpustakaan Negara Malaysia mula melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan pada tahun 1994 dan dianugerahkan pensijilan MS ISO 9002:1994 pada tahun 2000. Sistem Pengurusan Kualiti terus dimantapkan lagi dengan penganugerahan pensijilan MS ISO 9001: 2000 pada 9 April 2004 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Berkuatkuasa pada 10 November 2009, PNM telah melaksanakan MS ISO 9001:2008 bagi menggantikan MS ISO 9001:2000 sejajar dengan tujuan memantapkan pendokumentasian supaya lebih jelas dan mudah digunakan. Sepanjang tahun 2009, PNM telah berjaya mengadakan beberapa program dan aktiviti kualiti serta inovasi untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan SPK Jabatan. Antara program dan aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

Program/Aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti

• **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**

Mesyuarat MKSP telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 9 April 2009 dan 20 Oktober 2009.

• **Mesyuarat Jawatankuasa Perlaksanaan ISO 9001:2000**

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2000 telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 26 Februari 2009, 20 Mei 2009 dan 30 September 2009.

• **Audit Dalaman**

Jabatan juga telah berjaya melaksanakan Audit Dalaman sebanyak dua kali iaitu 23 - 25 Mac 2009 dan 1-3 Ogos 2009.

• **Audit Pematuhan (Surveillance Audit) SIRIM**

Audit Pematuhan (Surveillance Audit) SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah diadakan di PNM pada 27 - 28 April 2009.

Kursus / Latihan / Konvensyen

• **Taklimat Kesedaran Tentang Pelaksanaan MS ISO 9001:2008**

Taklimat Kesedaran Tentang Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 3 Mac 2009 bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada semua Pemilik Proses dan Pengurusan Atasan berkaitan versi MS ISO 9001:2008.

• **Bengkel Pemukiman Dokumentasi MS ISO 9001:2008**

Bengkel Pemukiman Dokumentasi MS ISO 9001:2008 telah dijalankan pada 26 - 29 Julai 2009 dan dihadiri oleh seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada Urus Setia ISO, Wakil Pengurusan, Ketua Sistem Audit, Pengurus Dokumen dan juga Pemilik Proses. Melalui Bengkel ini, Manual Kualiti, 6 Prosedur Wajib, 13 Prosedur Operasi dan 6 Prosedur Sokongan telah dipinda mengikut versi baru.

• **Kursus Audit Dalam MS ISO 9001:2008**

Kursus Audit Dalam MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 20 - 22 November 2009 di PNM. Khusus ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan latihan dalam mengendalikan audit dalam dan juga cara menyediakan laporan audit.

- **Pertandingan KMK Peringkat Jabatan**

Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) peringkat Jabatan telah diadakan pada 14 Oktober 2009 dan dirasmikan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar. Sebanyak 5 Kumpulan KMK telah berjaya ditubuhkan iaitu Kumpulan Unique, Kumpulan Era Baru, Kumpulan Nadi, Kumpulan Seiso dan Kumpulan Putih. Pada pertandingan ini, Kumpulan Era Baru telah menjadi johan dengan projek KMK bertajuk Kesukaran Mengesan Bahan Monograf di Rak Terbuka Malaysia Melalui Pencarian dari OPAC.

- **Majlis Konvensyen KMK Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan**

PNM memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) peringkat KPKK serta berjaya menempatkan diri sebagai 5 kumpulan terbaik di peringkat akhir Pertandingan Inovasi peringkat KPKK. Majlis Konvensyen KMK ini telah diadakan pada 23 November 2009 di Kompleks Kraftangan.

- **Konvensyen Innovative Creative Circle (ICC) Perpustakaan SeMalaysia**

PNM telah menyertai Konvensyen ICC pada 25 – 27 Oktober 2009 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah. PNM diwakili oleh Kumpulan NADI dari Bahagian Pemuliharaan yang membentangkan projek ICC bertajuk Teknik Pembaikan Minima Pemuliharaan Bahan Nadir.

- **Anugerah/Pengiktirafan**

Tahun 2009 memperlihatkan beberapa kejayaan yang telah ditempa oleh PNM dengan memenangi anugerah dan memperolehi pencapaian berikut:

ANUGERAH	KEDUDUKAN
Laporan Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan 2009	<ul style="list-style-type: none"> • 10 terbaik di kalangan Jabatan Kerajaan (Memperolehi 4 bintang) • 2 terbaik di kalangan 18 Jabatan/ Agensi di bawah KPKK
Anugerah Pelaksanaan HRMIS Terbaik Peringkat KPKK	• Tempat Pertama
Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Peringkat KPKK	• Tempat Ketiga (Kumpulan Era Baru)
Pertandingan Inovasi Peringkat KPKK	• 5 Kumpulan Terbaik (Peringkat Akhir)

- **Pencapaian KPI Timbalan Ketua Setiausaha KPKK (Kebudayaan)**

PNM turut menyumbang kepada KPI Timbalan Ketua Setiausaha KPKK (Kebudayaan) bagi perkara-perkara berikut:

- (i) Perolehan, pendokumentasian dan pemuliharaan 98,673 naskhah koleksi perpustakaan sebagai warisan intelek negara melalui pembelian.
- (ii) Menerbitkan sebanyak 7 bahan bacaan dalam bidang kepustakawanan dan kebudayaan.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Pencapaian Piagam Pelanggan 2009

Pada tahun 2009, PNM telah berjaya mempamerkan kecemerlangan prestasinya berdasarkan Indeks Pengukuran Piagam Pelanggan PNM iaitu sebanyak 95.8%.


BIL	PIAGAM PELANGGAN / JANJI	%
1.	Memastikan penyediaan bahan perpustakaan yang diperolehi melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan pembelian untuk rujukan dan perujukan dalam tempoh masa yang ditetapkan.	95.1%
2.	Memastikan ketersediaan koleksi khazanah warisan intelektual negara sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sempurna untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang.	82%
3.	Memastikan bahan perpustakaan terbitan terkini di atas rak untuk rujukan pelanggan dalam tempoh 2 minggu.	99.9%
4.	Memastikan 80% cadangan dan permohonan bahan perpustakaan oleh pelanggan dipenuhi dalam tempoh 7 hari berkerja.	96.3%
5.	Memastikan aduan pelanggan diberi jawapan akuan penerimaan dalam tempoh 3 hari bekerja.	100%
6.	Memastikan perkhidmatan kepada penerbit/penulis bagi mendapatkan ISBN/ISSN/Kod Jalur dipenuhi dalam tempoh 1 hari bekerja.	100%
7.	Memastikan permohonan Katalog Dalam Penerbitan (CIP) disediakan dalam tempoh 3 hari berkerja.	89%
8.	Memastikan pertanyaan rujukan penyelidikan diberi maklum balas dalam tempoh 2 hari berkerja.	100%
9.	Memastikan setiap permohonan keahlian PNM siap diproses dalam tempoh 5 minit.	100%



YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia sedang menerima Anugerah Pelaksanaan HRMIS Terbaik daripada YB Dato' Seri Utama Rais Yatim, Menteri KPKK sempena Sambutan Hari Kualiti KPKK pada 24 November 2009



Konvensyen ICC Perpustakaan SeMalaysia ke-2 pada 25 - 27 September 2009, Kota Kinabalu, Sabah.




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PROGRAM UTAMA ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Seiring dengan misi PNM iaitu menjadi Penggerak Utama Memupuk Budaya Membaca Rakyat Malaysia, Jabatan telah menjalankan sebanyak 8,699 program/aktiviti Galakan Membaca pada tahun 2009. Jalinan kerjasama terus disediakan dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Gunasama, Perpustakaan Desa, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, syarikat swasta, badan berkanun, badan bukan kerajaan. PNM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti, diantaranya adalah Program Sehari Bersama Angkasawan Negara, Bacalah Manjaku, Karnival Membaca 1Malaysia, Program Membaca 1Malaysia "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" Bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Forum PERDANA Hal Ehwal Islam, Program Segandingan Kita Membaca 1Malaysia : "Aram Kitai Macha 1Malaysia" dan sebagainya. Program/aktiviti Galakan Membaca juga turut dijadikan pengisian program-program lain di Pesta Buku Antarabangsa, Majlis Perasmian Perpustakaan Desa serta program-program Kementerian.



Dr. Sheikh Muszaphar Shukor sedang berkongsi pengalaman bersama-sama pelajar Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka dalam Program Sehari Bersama Angkasawan Negara pada 14 Februari 2009.



Aktiviti Mari BerceKITA Bersama-Sama Mama Sham di PNM pada 21 Mac 2009



YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri KPKK dan YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM meluahkan masa membaca bersama kanak-kanak ketika Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 1Malaysia pada 15 Oktober 2009.



Antara aktiviti yang diadakan semasa Program Membaca 1Malaysia 'Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan' dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 7 Disember 2009.

PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

Pusat Manuskrip Melayu PNM adalah urus setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi yang bertanggungjawab bagi merancang, mengurus dan menjalankan semua program dan aktiviti untuk memartabatkan dan menyemarakkan semula tulisan jawi dalam kalangan masyarakat.

Program dan aktiviti Pembudayaan Tulisan Jawi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2009 ialah seperti berikut:

- **Bengkel Seni Khat**

Bengkel ini telah dianjurkan oleh PNM dengan usahasama Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 28 – 29 Mac 2009 di Dewan Kuliah Sains, UPM. Antara objektif bengkel ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah penulisan seni khat. Seramai 160 orang peserta Melayu, 7 orang peserta Cina dan 3 orang peserta India telah menyertai bengkel ini. Tenaga pengajar dan fasilitator yang membimbing peserta bengkel adalah mereka yang mahir dalam penulisan khat daripada Persatuan Seni Khat Kebangsaan (PSKK).

- **Program Semarak Jawi**

Program Semarak Jawi diadakan dengan tujuan memupuk sikap cintakan tulisan jawi dan menarik minat masyarakat kepada kepelbagaian aktiviti berasaskan jawi yang menyeronokkan. Antaranya seperti permainan Bina Kata, Gali Kata, Minda Jawi, Pantas Jawi dan Pintar Jawi. Sebanyak 9 aktiviti telah dibuat dan dilaksanakan di pelbagai tempat termasuk 1 di Kapit, Sarawak.

- **Pantas Jawi**

Pantas Jawi diadakan untuk menguji kepantasan dan kemahiran pengunjung membaca tulisan jawi. Sebanyak 3 aktiviti telah dilaksanakan.

- **Demonstrasi Seni Khat/Kaligrafi Cina**

Demonstrasi Seni Khat dan Kaligrafi Cina diadakan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang kepelbagaian teknik penulisan seni khat dan kaligrafi Cina, disamping mewujudkan perpaduan melalui pendekatan seni.

- **Pengedaran Penerbitan Tulisan Jawi**

Jabatan juga membuat edaran bahan penerbitan jawi terbitan Perpustakaan Negara Malaysia ke seluruh Malaysia. Bahan tersebut meliputi Perisian K-Jawi, kit Tatih Jawi, majalah Semarak Jawi dan buku Antologi Cerpen Kemerdekaan.

PERPUSTAKAAN



Ustaz Mohd Asrak bin Mohd Osman, sedang memberi ceramah di Bengkel Seni Khat yang telah diadakan di Universiti Putra Malaysia.



Peminat seni khat mencuba melakar seni khat, sempena Program Karnival Cuti Sekolah di Pasar Seni.



Pelajar berbincang mencari jawapan untuk soalan 'Bina Kata' sempena aktiviti Semarak Jawi di Muzium Terengganu.

PROGRAM 1MALAYSIA

PNM sentiasa menyokong dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan terutama Gagasan 1Malaysia. Sepanjang tahun 2009, PNM telah menjalankan pelbagai program/aktiviti 1Malaysia antaranya Program Jualan Buku 1Malaysia (12 - 14 Jun 2009), Forum 1Malaysia (13 Jun 2009), Pertandingan Esei 1Malaysia (16 Ogos - 16 September 2009), Pertandingan Pidato Kemerdekaan : 1Malaysia Membina Negara Bangsa (20 Ogos 2009), Forum Perdana Hal Ehwal Islam 1Malaysia dan Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya (20 Ogos 2009).



Acara Senam Seni serta Pelancaran 1Malaysia telah diadakan di Dataran Merdeka pada 27 Jun 2009.




Peringkat Akhir Pertandingan Pidato Kemerdekaan 2009 di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 20 Ogos 2009.



Majlis Pelancaran Karnival Membaca 1Malaysia telah diadakan di Taman Intan Perdana, Port Dickson pada 8 Ogos 2009.



Program Membudayakan Membaca 1Malaysia di Perpustakaan Desa Kg. Kayu Ara, Negeri Sembilan pada 31 Oktober 2009.



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



STATISTIK PNM 2009 ●

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERBANDINGAN TAHUN 2007 - 2009

PARAMETER	2007	2008	2009	KUMULATIF
KEAHLIAN BERDAFTAR	33,202	41,052	55,933	865,330
Kanak-kanak	7,194	14,531	15,243	730,813
Dewasa	26,008	26,521	40,690	134,517
PENGUNJUNG	493,134	379,831	413,735	
Kanak-kanak	126,661	101,249	104,173	
Dewasa	366,473	278,582	309,562	
PINJAMAN BAHAN	472,067	511,637	370,550	
Berpusat	451,676	489,087	335,662	
Kelompok	19,425	22,032	34,296	
Sistem Pembekalan Penerbitan	966	518	592	
PENGGUNA PERKHIDMATAN	262,027	258,332	327,809	
Perkhidmatan Maklumat Malaysiana	124,711	139,180	142,283	
Perkhidmatan Maklumat Umum	54,565	42,777	32,307	
Perkhidmatan Digital	79,244	68,257	57,844	
Perkhidmatan Manuskrip Melayu	416	498	465	
Perkhidmatan Pakar Maklumat	3,091	5,268	22,649	
Perkhidmatan Wi-Fi	-	2,352*	15,565	
Perkhidmatan Zon Siber	-	-	56,696	
PEROLEHAN KOLEKSI BAHAN	223,275	285,595	299,147	3,092,017
Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (A331)	135,496	182,730	183,575	
Pembelian	85,147	99,584	111,503	
Hadiah dan Pertukaran	2,632	3,281	4,069	

Nota:


Perkhidmatan Zon Siber dan Wi-Fi belum beroperasi pada tahun 2007.

Zon Siber hanya mula beroperasi akhir bulan Oktober 2008.

Data Wi-Fi pada tahun 2008 hanya mula direkodkan pada September 2008.


JUMLAH KEAHLIAN BERDAFTAR TAHUN 2009

PERKARA BULAN	KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH 2009	KUMULATIF SEHINGGA 2009
JANUARI	235	1,199	1,434	810,831
FEBRUARI	2,752	2,340	5,092	815,923
MAC	789	3,339	4,128	820,051
APRIL	1,332	7,109	8,441	828,492
MEI	2,873	1,622	4,495	832,987
JUN	1,049	3,558	4,607	837,594
JULAI	1,120	3,494	4,614	842,208
OGOS	1,812	2,828	4,640	846,848
SEPTEMBER	1,834	2,682	4,516	851,364
OKTOBER	259	4,391	4,650	850,014
NOVEMBER	660	3,995	4,655	860,669
DISEMBER	528	4,133	4,661	865,330
JUMLAH	15,243	40,690	55,933	—



JUMLAH PENGUNJUNG TAHUN 2009


BULAN \ PERKARA	KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH
JANUARI	6,713	20,568	27,281
FEBRUARI	7,625	21,763	29,388
MAC	11,379	31,593	42,972
APRIL	9,499	27,644	37,143
MEI	7,490	23,402	30,892
JUN	9,122	27,679	36,801
JULAI	10,863	32,378	43,241
OGOS	8,907	26,431	35,338
SEPTEMBER	4,509	16,673	21,182
OKTOBER	6,141	21,169	27,310
NOVEMBER	9,368	30,183	39,551
DISEMBER	12,557	30,079	42,636
JUMLAH	104,173	309,562	413,735



JUMLAH PENGGUNA PERKHIDMATAN TAHUN 2009


BULAN	PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN							JUMLAH
	M'siana	Maklumat Umum	P'khidmatan Digital	M'skrip	Pakar	Wi-Fi	Zon Siber	
JANUARI	11,167	1,934	3,553	54	1,145	1,641	2,418	21,912
FEBRUARI	10,444	2,209	2,650	61	1,216	758	2,130	19,468
MAC	21,458	3,596	5,841	45	2,445	1,007	4,314	38,706
APRIL	16,523	3,400	5,078	58	1,764	1,035	5,877	33,735
MEI	10,689	2,660	4,285	37	1,368	1,146	5,248	25,433
JUN	11,447	2,372	5,905	39	2,638	1,187	5,517	29,105
JULAI	11,322	3,137	4,829	39	2,045	1,389	5,481	28,242
OGOS	11,128	2,810	4,836	31	1,960	1,349	5,799	27,913
SEPTEMBER	5,929	1,818	2,320	37	1,265	1,114	3,579	16,062
OKTOBER	10,272	2,881	3,999	19	1,809	1,521	5,184	25,685
NOVEMBER	13,637	2,883	5,602	16	2,207	1,690	5,732	31,767
DISEMBER	8,267	2,607	8,946	29	2,787	1,728	5,417	29,781
JUMLAH	142,283	32,307	57,844	465	22,649	15,565	56,696	327,809

PENGGUNA




JUMLAH PINJAMAN BAHAN 2009


BULAN	PINJAMAN BAHAN			JUMLAH
	PUSAT	KELOMPOK	SPP	
JANUARI	21,183	2,916	24	24,123
FEBRUARI	17,161	5,155	58	22,374
MAC	20,969	1,445	78	22,492
APRIL	23,084	600	48	23,732
MEI	24,984	4,027	94	29,105
JUN	27,004	2,163	35	29,202
JULAI	29,374	3,917	56	33,347
OGOS	31,268	3,844	33	35,145
SEPTEMBER	29,055	1,269	39	30,363
OKTOBER	30,867	3,370	40	34,277
NOVEMBER	31,915	3,150	44	35,109
DISEMBER	48,789	2,440	43	51,281
JUMLAH	335,662	34,296	592	370,550



JUMLAH KOLEKSI BAHAN MENGIKUT KAEDAH PEROLEHAN TAHUN 2009

PERKARA BULAN	KAEDAH PEROLEHAN KOLEKSI			JUMLAH TAHUN 2009	KUMULATIF SEHINGGA 2009
	BELI	HADIAH	AKTA 331		
JANUARI	62	260	12,885	13,207	2,806,007
FEBRUARI	355	295	15,204	15,854	2,821,931
MAC	288	249	14,750	15,287	2,837,218
ARPIL	3,775	139	14,969	18,883	2,856,101
MEI	7,821	202	14,950	22,973	2,879,074
JUN	14,239	222	16,696	31,157	2,910,231
JULAI	228	322	15,153	15,703	2,925,934
OGOS	3,721	735	12,213	16,669	2,942,603
SEPTEMBER	22,167	421	14,262	36,850	2,979,453
OKTOBER	21,696	528	16,245	38,469	3,017,922
NOVEMBER	17,275	291	22,100	39,666	3,057,588
DISEMBER	19,876	405	14,148	34,429	3,092,017
JUMLAH	111,503	4,069	183,575	299,147052	-----





PAMERAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PAMERAN

Selain pameran anjuran PNM sendiri, Jabatan turut menerima permohonan daripada beberapa institusi luar yang ingin mengadakan kerjasama pameran seperti Kedutaan Finland dan Malaysian Biotechnology Corporation. Pada tahun 2009, PNM telah berjaya melaksanakan sebanyak 7 pameran seperti di bawah:

TARIKH	NAMA PAMERAN	ANJURAN
17 - 28 Feb 2009	Pameran 'Biografi Tokoh-tokoh Negara'	PNM
2 - 31 Mac 2009	Pameran Terjemahan Karya Kesusasteraan Finland / <i>Exhibition of Translated Finnish Literature</i>	PNM dan Kedutaan Finland
16 - 31 Mac 2009	Pameran Minggu Bioteknologi	PNM bersama Malaysia Biotechnology Corporation
24 April - 31 Mei 2009	Pameran Kartun - Lakaran Hidup Kita	PNM
22 Julai - 22 Ogos 2009	Pameran Manuskrip Islam	PNM
13 Ogos - 13 Sept. 2009	Pameran 'Bacalah! Anak Merdeka 1Malaysia'	PNM
17 Nov. - 31 Dis. 2009	Pameran 'Yang Pertama'	PNM



Pameran Terjemahan Karya Kesusasteraan Finland / *Exhibition of Translated Finnish Literature* yang telah diadakan di PNM pada 2 - 31 Mac 2009.



Pameran Minggu Bioteknologi anjuran PNM bersama Malaysia Biotechnology Corporation yang telah diadakan di PNM pada 16 - 31 Mac 2009.



LAWATAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAWATAN DALAM NEGERI

Sepanjang tahun 2009, Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan 107 lawatan rasmi dan berpandu dalam negeri. Sebanyak 4,767 orang pelawat dari dalam negeri telah diterima dari pelbagai agensi Jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

LAWATAN LUAR NEGARA

Seramai 152 orang pelawat dalam 14 rombongan lawatan khas dari luar negara telah dijalankan sepanjang tahun 2009. Perpustakaan Negara Malaysia menerima lawatan dari pelbagai institusi seperti *Ministry of Public Health Thailand*, *Phuket Rajabhat University Thailand*, *Macau Documentation and Information Society*, *Hokuo Townships Office, Taiwan*, Kementerian Pelajaran Sri Lanka dan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

Institusi yang kerap mengadakan lawatan ke Perpustakaan Negara Malaysia ialah Pustakawan dari Perpustakaan Nasional Republik Indonesia atau PNRI.

Pendedahan awal yang diberikan kepada delegasi dan rombongan lawatan khas ini adalah berkaitan dengan latar belakang PNM, pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan yang disediakan.



Lawatan Delegasi Antarabangsa *Seminar Islamic World Science Citation* ke Pusat Manuskrip Melayu pada 8 Jun 2009.



Lawatan Delegasi Phuket Rajabhat University, Thailand ke Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi pada 24 Mac 2009.




Lawatan dari Yayasan Sekolah Rakyat Indonesia pada 12 Mei 2009 ke Pusat Hipermedia Dewasa PNM



Lawatan Delegasi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) pada 29 Jun 2009.

LAWATAN LUAR NEGARA 2009

TARIKH	LAWATAN LUAR NEGARA	BIL. PESERTA
5 Mac 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Kementerian Kesihatan Awam, Thailand	10 orang
18 Mac 2009	Lawatan Khas Dr.Roger G. Tol, Direktur KITLV-Jakarta, Indonesia	Seorang
25 Mac 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi Phuket Rajabhat University, Thailand	21 orang
12 Mei 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Yayasan Sekolah Rakyat Indonesia	10 orang
8 Jun 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi Antarabangsa Seminar <i>Islamic World Science Citation</i>	15 orang
29 Jun 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi (MTCP): <i>Leadership Development for Senior Executives of National Libraries in Developing Countries</i>	12 orang
15 Julai 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi <i>Macau Documentation and Information Society</i>	12 orang
22 Julai 2009	Lawatan dan Taklimat Khas oleh Dr. Hee Kyeong Ryu, <i>Project Management Dibrary, NL of Korea</i> Sempena Persidangan Perpustakaan Digital Ke-5	2 orang
31 Julai 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Hokuo Township Office, Hsin Chu County, Taiwan	23 orang
18 Ogos 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi Hanoi <i>College of Home Affairs</i> , Vietnam	19 orang
6 Oktober 2009	Lawatan Khas oleh Peserta ISESCO <i>Regional Experts Meeting</i> (Indonesia, Kazakhstan, Maldives, Pakistan, Egypt, Morocco)	6 orang
21 Oktober 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi Kelompok Koleksi Naskah Kuna Perpustakaan Nasional Republik Indonesia	3 orang
22 Oktober 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi Pusat Pendidikan dan Pelatihan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia	5 orang
9 Disember 2009	Lawatan Sambil Belajar oleh Delegasi Kementerian Pelajaran Sri Lanka	13 orang



KERJASAMA PERPUSTAKAAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERINGKAT KEBANGSAAN

Persatuan Pustakawan Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) ialah persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh pegawai ikhtisas dan institusi yang terlibat dalam profesion kepustakawanan. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar telah dipilih sebagai Yang Dipertua PPM bagi sesi 2008 – 2010. Beberapa pegawai Perpustakaan Negara Malaysia turut dipilih/dilantik sebagai Ahli Majlis PPM iaitu Cik Hajah Nafisah Ahmad sebagai Ahli Majlis, Puan Dahlia Zainal sebagai Setiausaha Kehormat dan Puan Chin Loy Jyoon sebagai Bendahari Kehormat.

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) telah menganjurkan Persidangan Perpustakaan Digital ke-5 (*5th Digital Library Conference*) pada 20 – 22 Julai 2009 di Hotel Best Western Premier Seri Pacific, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Persidangan ini bertemakan Malaysia Digital : Pembangunan Perpustakaan Digital di Seluruh Negara telah dihadiri oleh 320 orang peserta yang terdiri daripada pustakawan, profesional maklumat dan individu daripada pelbagai institusi. Sebanyak 12 kertas kerja telah dibentangkan dan 5 bengkel diadakan sepanjang persidangan ini.

Gabungan Penulis Malaysia (GAPENA)

Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dengan kerjasama Gabungan Penulis Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Radio dan Televisyen Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Pertandingan Pidato Kemerdekaan dan Pertandingan Menulis Esei 1Malaysia sempena Sambutan Kemerdekaan Ke-52 Tahun 2009. Pertandingan ini dianjurkan sebagai acara pengisian sempena sambutan Bulan Kemerdekaan yang berlangsung dari 1 Ogos hingga 16 September 2009. Agenda utama pertandingan ini adalah untuk memperkukuh semangat patriotik dan perasaan muhibbah antara kaum dalam menghayati erti kemerdekaan melalui wadah pengucapan pidato dan penulisan esei. Seramai 20 peserta telah menyertai Pertandingan Pidato, manakala bagi Pertandingan Menulis Esei seramai 353 peserta telah menyertainya.

PERINGKAT ANTARABANGSA

ASEAN Sub-Committee on Culture and Information (ASEAN-COCI)

Perpustakaan Negara Malaysia memainkan peranan yang aktif untuk bekerjasama dengan negara-negara ASEAN telah mengemukakan kertas cadangan projek untuk memohon *ASEAN Cultural Fund* bagi penganjuran *Workshop on Development of Database on Indigenous Oral Traditions in ASEAN Member States*.

Conference of Directors of National Libraries (CDNL)

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBhg Dato' Raslin Abu Bakar adalah ahli Conference of Directors of National Libraries.

Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)

Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara Asia dan Oceania ke-17 telah diadakan di Hanoi, Vietnam pada 20 April 2009. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat sebagai urus setia bagi mewakili Malaysia. Laporan Malaysia juga dibentangkan dalam persidangan ini.

3rd Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) XIV Executive Board Meeting 2009

Perpustakaan Malaysia telah menyertai Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) sejak mula ditubuhkan pada tahun 1970. CONSAL merupakan forum di kalangan pustakawan dan ahli profesional dalam bidang yang berkaitan dari negara Asia Tenggara untuk menjalin hubungan kerjasama dengan menjalankan pelbagai projek.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif CONSAL ke-3 telah diadakan di Hanoi, Vietnam pada 20 April 2009. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Dr. Mohd Sharif Mohd Saad, Naib Yang Dipertua I Persatuan Pustakawan Malaysia dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat sebagai urus setia telah mewakili Malaysia. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar membentangkan laporan negara dalam persidangan ini.

Conference of the Congress of Southeast Asia Librarians (CONSAL) 2009

Persidangan CONSAL XIV telah diadakan di Hanoi, Vietnam pada 22 - 24 April, 2009. Seramai 5 orang pegawai PNM yang di ketuai oleh Ketua Pengarah PNM telah menghadiri Persidangan ini. Satu kertas kerja bertajuk *Rural Libraries as Agent for Social Restructuring* telah dibentangkan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar dan Cik Salbiah Mohd Yusof. Pegawai-Pegawai PNM yang telah menghadiri persidangan ini adalah Dato' Raslin bin Abu Bakar, Salbiah Mohd Yusof, Nafisah Ahmad, Chin Loy Jyoon dan Noraida Daud.

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)

Perpustakaan Negara Malaysia menjadi ahli pertubuhan antarabangsa IFLA semenjak tahun 1985 dan menyertai persidangan tahunan serta *Conference of Directors of National Libraries (CNDL)* yang diadakan sempena Persidangan IFLA setiap tahun.

Islamic Scientific, Educational and Cultural Organization (ISESCO)

Perpustakaan Negara Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah *Regional Experts Meeting to Consider the Needs of Promoting The Role of Manuscript Collecting, Conservation and Restoration Centres in the Asian Member States* pada 6 - 7 September 2009 di PNM. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 10 orang peserta dalam kalangan negara ISESCO antaranya Indonesia, Pakistan, Maldives, Egypt, Uzbekistan dan Iran.

International Standard Book Number (ISBN)

Malaysia telah menyertai program International Standard Book Number (ISBN) sejak tahun 1982. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan ISBN bagi negara ini telah mengeluarkan sebanyak 24,209 ISBN dalam tahun 2009. Sejumlah 667 penerbit baru telah mendaftar untuk mendapatkan identiti penerbit untuk ISBN.

International Standard Serial Number (ISSN)

Penyertaan Malaysia dalam program International Standard Serial Number (ISSN) telah bermula sejak tahun 1976. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan ISSN bertanggungjawab untuk mengurus pemberian ISSN judul terbitan bersiri di negara ini. Dalam tahun 2009 sebanyak 507 ISSN telah dikeluarkan untuk terbitan bersiri di negara ini.

Pusat Sumber Malaysia di Luar Negara

Malaysia menubuhkan 4 buah Pusat Sumber Malaysia di luar negara iaitu di University of Ohio, Athens, USA; Royal Institute of Linguistics and Anthropology (KITLV), Netherland dan University of Victoria, Wellington, New Zealand dan Beijing Foreign Study University, China bertujuan menyokong penyelidikan mengenai Malaysia di luar negara dan membantu memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mengenai Malaysia yang ditawarkan oleh institusi tersebut. Pada tahun 2009, sebanyak 371 naskah bahan (Monograf) telah dihantar ke Pusat Sumber Malaysia ini.



PENERBITAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA





PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PENERBITAN

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Sebanyak 7 penerbitan telah diterbitkan oleh PNM pada tahun 2009 iaitu seperti berikut:

- Sari Pustaka Bil. 4/2008 dan Bil. 1/2009
- Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 3/2008 dan Bil. 1/2009
- Program Pembangunan Sumber Manusia Perpustakaan Negara Malaysia 2010
- Jurnal Filologi Melayu, Jilid 16, 2009
- Katalog Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia (1984 - 2008)
- Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2008 dan Laporan Program Membaca.



**Portal Rasmi Web
Perpustakaan Negara Malaysia**
www.pnm.gov.my



PENULISAN ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KERTAS KERJA

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar

Pembangunan Perpustakaan Digital di Malaysia: Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA). Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Perpustakaan Digital Ke-5, Kuala Lumpur, 20 - 22 Julai, 2009.

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar & Cik Salbiah Mohd Yusof

Rural Libraries as Agents of Social Restructuring in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *14th General Conference of the Congress of Southeast Asian Librarians*, Hanoi, Vietnam, April 20 - 23, 2009.

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar & Puan Chin Loy Jyoon

CONSAL Country Report: Malaysia. Kertas Laporan Negara dibentangkan dalam *3rd CONSAL XIV Executive Board Meeting*, Hanoi, Vietnam pada 20 April, 2009.

CDNL-AO Country Report: Malaysia. Kertas Laporan Negara dibentangkan dalam *17th Conference of Directors of National Libraries "Asia and Oceania"* (CDNL-OA), Hanoi, Vietnam pada 20 April, 2009.

Cik Nafisah Ahmad

Katalog Induk Kebangsaan (KIK): Satu Inisiatif Negara. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Perpustakaan Digital Ke-5, Kuala Lumpur, 20 - 22 Julai, 2009.

Digital Initiatives of National Library of Malaysia: Infostructure for the Information-Rich Society. Kertas kerja dibentangkan di *MTCP 2009: Workshop on Leadership Development for Senior Executives of National Libraries in Developing Countries*, Kuala Lumpur, 28 Jun - 12 Julai, 2009.

Digital Library - Trends and the Way Forward. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Digital Library Kodak, Kuala Lumpur, 7 Oktober, 2009.

Government Initiatives on e-Access of Islam with Special Reference to IIDL and IslamGRID. Kertas kerja dibentangkan di *Colloquium on Islamic Information and the Cyberworld*, 27 - 29 Oktober, 2009, IIUM Gombak, Selangor.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

ULASAN BUKU

Encik Muhammad Rizal bin Faisal

Rahsia Jutawan eBay. SARI PUSTAKA, (1) : 9-10;2009.

Cik Junaidah binti Rosliy

Transformasi 40 Hari Pertama Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak. SARI PUSTAKA, (1) : 12-13;2009.

Encik Mohd Fairuz bin Zakaria

Al-Amthal dalam Al-Quran: Golongan Kafir dan Ahli Kitab. SARI PUSTAKA, (1) : 3-5;2009.

Cik Noorzaimah binti Razali

Bongkar Rahsia Kejayaan. SARI PUSTAKA, (1) : 5-6;2009.

Encik Ricaldo Geonan Majutin

Effective English Speaking. SARI PUSTAKA, (1) : 7-8;2009.

Puan Sabariah binti Khairuddin


Cara Mudah Berucap di Khalayak. SARI PUSTAKA, (1) : 6-7;2009.

Puan Sharifah Zamrud binti Sy. Abd. Rahman

Siapa Anda? Siapa Saya?. SARI PUSTAKA, (1) : 10-12;2009.



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



KELAB PNM DAN PUSPANITA ●

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kepimpinan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia

Penubuhan Kelab PNM adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan perpaduan di kalangan kakitangan PNM. Penubuhan Kelab PNM ini juga bermatlamat untuk membentuk dan mengamalkan suatu budaya kerjasama dan perkongsian idea di kalangan kakitangan PNM tanpa mengira batasan agama, bangsa mahupun pangkat yang mencerminkan kesepaduan dalam satu bumbung yang sama. Kelab Perpustakaan PNM diterajui oleh pegawai-pegawai yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia ke-30 yang di adakan pada 25 Mei 2009 dirasmikan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar.

Keahlian

Kelab PNM mempunyai 3 jenis keahlian, iaitu Ahli Kehormat, Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu. Terdapat 5 orang Ahli Kehormat yang terdiri daripada mereka yang pernah memegang jawatan Ketua Pengarah PNM atau Yang DiPertua Kelab PNM. Sehingga Disember 2009, terdapat seramai 513 orang Ahli Biasa dan 14 orang Ahli Bersekutu.

Aktiviti

Kelab PNM telah melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2009 seperti berikut:

- **Hari Keluarga PNM 2009**

Hari Keluarga PNM 2009 telah diadakan pada 16 Mei 2009 di Hutan Lipur Kanching, Rawang, Selangor bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dan dirasmikan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM. Aktiviti yang telah dijalankan ialah Senam Seni, Sukaneka dan Cabutan Nombor Bertuah.

- **Program Senam Seni@PNM dan Program Kebudayaan@PNM**

Program Senam Seni@PNM telah dilaksanakan setiap hari Selasa sebanyak 2 kali sebulan secara bergilir-gilir dengan program Kebudayaan@PNM dari jam 5.30 petang hingga 6.00 petang.

- **Program Kempen Derma Darah 2009**

Program Kempen Derma Darah anjuran Tabung Darah Negara dengan kerjasama Kelab PNM telah diadakan pada 20 Mei 2009 bertempat di Bilik Serbaguna, PNM. Seramai 40 orang kakitangan PNM dan 6 orang awam telah tampil ke hadapan untuk menderma darah.

- **Ceramah Agama**

Beberapa siri Ceramah Agama telah diadakan bertujuan untuk memberi santapan rohani kepada kakitangan PNM.

- **Majlis Berbuka Puasa 2009**

Majlis Berbuka Puasa telah diadakan pada 10 September 2009 di Dewan Pameran, Aras 1, PNM. Majlis ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai lebih kurang 300 orang ahli Kelab PNM dan ahli keluarga di samping ahli Kelab PNM yang bukan beragama Islam.

- **Majlis Hari Raya Aidilfitri 2009**

Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri PNM telah diadakan pada 5 Oktober 2009 bertempat di Dewan Pameran, Aras 1, PNM. Majlis ini diadakan dengan kerjasama Jabatan, PUSPANITA Cawangan PNM dan Majlis Bersama Jabatan. Di samping itu, pengumuman pemenang Pertandingan Merekacipta Kad Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri serta Pakaian Tercantik turut diadakan.

- **Aktiviti Sukan**

Kelab PNM melalui Biro Sukan turut aktif dalam pelbagai pertandingan dan kejohanan sukan yang dianjurkan. Antara kejohanan dan pertandingan yang telah disertai oleh Kelab PNM ialah Kejohanan Boling MAKSWIP iaitu pada bulan Jun 2009, Karnival Sukan Sektor Kebudayaan, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Tahun 2009 serta Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah MAKSWIP 2009 yang telah diadakan pada 13 - 15 Ogos 2009 bertempat di Kangar, Perlis.

PUSPANITA CAWANGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PUSPANITA Cawangan PNM bernaung di bawah PUSPANITA Cawangan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang dipengerusikan oleh YBhg Datin Rohayah Harun, isteri kepada Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. PUSPANITA Cawangan PNM dipengerusikan oleh YBhg Datin Limah Nor, isteri Ketua Pengarah PNM.

Keahlian

Sehingga tahun 2009, jumlah keahlian ialah seramai 217 yang terdiri daripada ahli biasa dan ahli seumur hidup.

Kegiatan PUSPANITA Cawangan PNM

Pelbagai aktiviti telah diatur meliputi kegiatan sosial, agama, sukan dan kebajikan sama ada di peringkat Jabatan atau Kementerian.

PUSPANITA Cawangan PNM telah dilantik memegang jawatan Biro Seranta, Penerbitan dan ICT di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Biro ini telah menerbitkan Buletin PUSPANITA KPKKW yang memuatkan artikel, sajak, resepi dan liputan aktiviti PUSPANITA Jabatan dan Kementerian. Di bawah KPKK, PUSPANITA Cawangan PNM adalah ahli Biro Dokumentasi Seranta.

Dua orang ahli telah dipilih untuk menyertai Pertandingan Boling dan Batu Seremban di peringkat PUSPANITA Kebangsaan iaitu Puan Azlinawati Nasaruddin dan Cik Nor Haniz @ Haniza Othman.

Menerusi Jawatankuasa Kecil Agama, pelbagai aktiviti telah dianjurkan dengan kerjasama PUSPANITA Kementerian dan Kelab PNM antaranya seperti ceramah agama, Program Maulidur Rasul, Solat Tasbih, Tadarus dan Majlis Khatam Al-Quran. Jawatankuasa Kecil Sosial telah menganjurkan pelbagai aktiviti seperti lawatan, demo masakan, ceramah, kelas bimbingan serta bengkel motivasi.

Perasmian Bilik PUSPANITA

Ketua Pengarah PNM, YBhg Dato' Raslin Abu Bakar selaku Penasihat PUSPANITA Cawangan PNM telah merasmikan Bilik PUSPANITA pada 19 Oktober 2009 bagi kemudahan ahli-ahli PUSPANITA Cawangan PNM mengadakan aktiviti.

Mesyuarat Tahunan

Mesyuarat Tahunan PUSPANITA Cawangan PNM telah diadakan pada 2 Mac 2009 yang dihadiri oleh 136 ahli.

Majlis Perpisahan


Majlis Perpisahan Puan Siti Mariani S.M. Omar bertemakan 'Selaut Budi, Sehening Kasih' telah diadakan pada 2 Mac 2009. Majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan beliau sebagai wakil PUSPANITA Cawangan PNM.




Ketua Pengarah PNM, YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar telah merasmikan Bilik PUSPANITA cawangan PNM pada 19 Oktober 2009




Aktiviti Sukan Anjuran Kelab Sukan PNM



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 2687 1700

Faks: 03 - 2694 2490

E-mel: pnmweb@www1.pnm.my

Laman Web: www.pnm.gov.my

ISSN 0128 - 3170



9 77 0 128 31 7007

